

GHaS 2023 peneraju industri halal Malaysia terbaik global

Kuala Lumpur: Global Halal Summit (GHaS) 2023 akan menjadi peneraju dalam membangun dan memperkukuhkan industri halal bukan sahaja di Malaysia, tetapi peringkat global.

GHaS juga dijangka akan dapat mencipta kejayaan dan memartabatkan industri halal tempatan pada peringkat antarabangsa.

Antara komponen utama GHaS adalah Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS), yang merupakan platform pameran barangan dan perkhidmatan Halal terbesar di dunia sejak 2004.

MIHAS mendapat sokongan berterusan di peringkat antarabangsa dengan penyertaan lebih 40 buah negara di seluruh dunia secara fizikal dan juga maya.

Pada 2022, MIHAS berjaya mencatatkan penyertaan lebih daripada 30,000 pempamer dan pelawat dari serata dunia dengan capaian jumlah nilai eksport melebihi RM2.39 bilion, melepasi sasaran asal, iaitu RM1.9 bilion.

Bagi terus memperkasakan perdagangan halal rentas sempadan, tahun ini sekali lagi MIHAS dianjurkan secara hibrid dengan tema 'Menerajui Dunia Halal'.

MIHAS edisi ke-19 ini membuka ruang dan peluang kepada usahawan Malaysia mahupun antarabangsa untuk menerokai inovasi baharu serta inisiatif mampan dalam memacu pertumbuhan ekonomi Halal global.



Anwar bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Reezal Merican menyempurnakan perasmian GHaS 2023 di MITEC, Kuala Lumpur, semalam. (Foto bernama)

Pengerusi MATRADE, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, berkata MIHAS sudah menjadi penggerak dalam industri Halal global, menjana RM21.66 bilion dalam jualan sepanjang 18 edisi lepas dan oleh itu tidak hairanlah bilangan pempamer terus berkembang.

"Kejayaan MIHAS 2023 memamerkan potensi dan peluang

pertumbuhan yang besar dalam pasaran Halal.

"Kami memberi peluang kepada perniagaan untuk memanfaatkan peningkatan pasaran halal yang dijangka berkembang kepada hampir AS\$3.5 trilion menjelang 2030," katanya selepas majlis perasmian GHaS dan MIHAS 2023 di sini, semalam.

Majlis dirasmikan oleh Perda-

na Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

MIHAS 2023 edisi ke-19, dihoskan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), menampilkan hampir 1,900 gerai yang diwakili oleh 44 negara yang mengambil bahagian

dengan sasaran 35,000 pengunjung.

Ini menjadikan ia bukan sahaja acara MIHAS terbesar setakat ini, tetapi juga pameran halal global.

Pameran itu diadakan di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur dari 12 hingga 15 September 2023.